

30/11/1999

Abu Hassan gembira BN menang

Minarni Mat Saad; Ahmad Nazri Mohamad

SHAH ALAM, Isnin - Barisan Nasional (BN) Selangor menubuhkan kerajaan negeri pada jam 12 malam ini apabila memenangi 43 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan mengekalkan semua 17 kerusi Parlimen yang dipertandingnya.

Lima kerusi DUN yang ditawan pembangkang ialah di Sungai Besar, Sungai Burung, Hulu Klang, Gombak Setia dan Kajang.

Pengerusi BN Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, amat gembira dengan kemenangan besar BN dalam pilihan raya umum kali ini dan berterima kasih kepada seluruh rakyat yang bertindak bijak memilih kerajaan yang terbukti berkemampuan serta berwibawa untuk meneruskan pembangunan serta kemajuan yang dirancang.

Menurutnya, kejayaan itu adalah kerjasama semua ahli parti komponen BN yang bekerja keras sebaik sahaja tarikh pilihan raya diumumkan.

"Keputusan yang cemerlang BN Selangor ini memang sudah dijangka. Tindakan bijak rakyat memilih BN sebagai parti pemerintah adalah satu pengiktirafan terhadap pucuk pimpinan negara terutama Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad," katanya yang ditemui pemberita ketika bersama penyokong BN di Bangunan Umno Selangor di sini, hari ini.

Terdahulu, Abu Hassan bersama penyokong BN di tempat penjumlahan undi di Kompleks Sukan Kuala Selangor.

Berikutan itu, katanya, melalui mandat baru yang diberikan oleh rakyat, kerajaan BN akan meneruskan semua program untuk memajukan negara di samping berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka.

Mengulas mengenai kawasan yang ditawan pembangkang, Abu Hassan berkata beliau menghormati pengundi di kawasan itu sudah membuat keputusan sedemikian.

"Tetapi dalam masa yang sama saya sedih kerana mereka masih lagi tidak faham dan menyokong pembangkang. Jika mereka memilih wakil rakyat BN sudah tentu mereka mempunyai kerjasama langsung dengan kerajaan negeri.

"Sebagai kerajaan yang adil kita cuba setakat yang mampu untuk menjaga kepentingan penduduk di situ," katanya.

(END)